



LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

POLISI PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DAN KEPELBAGAIAN BIODIVERSITI

LKPP Corporation Sdn. Bhd. mengiktiraf bahawa keperluan pembangunan seharusnya memberi manfaat sosial kepada semua pihak selaras dengan prinsip dan kriteria yang tetapkan oleh Persijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO).

Bagi memelihara alam sekitar dan melindungi kepelbagaian biodiversiti, Syarikat dengan ini komited untuk :-

- ❖ Mematuhi semua peruntukan undang-undang, kanun dan pihak-pihak yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar dan perlindungan kepelbagaian biodiversiti.
- ❖ Mewujudkan, mengekalkan dan menambah baik sistem pengurusan perladangan selaras dengan keperluan untuk pemeliharaan alam sekitar dan perlindungan kepelbagaian biodiversiti.
- ❖ Mendidik dan meningkatkan kesedaran pihak-pihak yang berkepentingan tentang pemeliharaan alam sekitar dan kepelbagaian biodiversiti melalui penerangan dan latihan.
- ❖ Menguatkuasakan amalan pembakaran sifar dalam operasi perladangan dan melarang sebarang bentuk pembakaran terbuka di dalam kawasan premis syarikat.
- ❖ Mengamalkan sistem pelupusan sampah yang mesra alam dan pelupusan sisa berjadual yang bertanggungjawab dan sistematik.
- ❖ Mengikut dan melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP)/ Amalan Perkilangan Baik (GMP) yang telah digariskan dalam Manual Perladangan/ Kilang LKPP Corporation Sdn.Bhd.
- ❖ Merancang, menilai dan melaksanakan tindakan yang bersesuaian bagi mengurangkan impak kepada aspek alam sekitar ekoran dari aktiviti-aktiviti syarikat.
- ❖ Menghindarkan pencemaran serta meningkatkan mutu pengurusan alam sekitar.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd, Anak Syarikat dan semua pihak yang berkepentingan dalam syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis syarikat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Haji Shahrumzaki Bin Hassan".

HAJI SHAHRUMZAKI BIN HASSAN
Pengurus Besar

01 Februari 2021

No. 4/2021